

'Jangan suka-suka saja ambil'

Penduduk dakwa tanah dicero boh, desak masalah hakisan tebing sungai akibat operasi sedut pasir ditangani

KUALA PILAH - Penduduk Kampung Terentang men-desak pihak berkaitan supaya campur tangan dalam menangani masalah hakisan tebing sungai berikutan operasi menyedut pasir di Sungai Terentang dilihat semakin serius.

Meskipun memiliki lesen dan permit sah di atas tanah milik persendirian, namun penduduk mendakwa tanah milik mereka turut terjejas gara-gara operasi itu hingga beberapa pokok di tebing tumbang.

Wakil pemilik tanah, Jamal Jani, 63, memberitahu, dia bersama penduduk telah beberapa kali membangkitkan isu itu kepada pihak berkaitan supaya menyiasat ada berlaku pencerobohan di atas tanah milik penduduk.

"Sekarang pengambilan pasir telah mula merebak ke tanah milik orang kampung sehingga berlaku hakisan tebing sangat serius.

"Sungai ini bukannya lebar mana, hanya enam hingga tujuh meter lebar tapi menggunakan peralatan korek pasir seperti peralatan melombong pasir. Sini tak sesuai menggunakan mesin penyedut," katanya.

Menurutnya, setakat ini, seramai enam pemilik tanah mendapati tanah mereka telah dicero boh di bahagian tebing kiri sungai.

Jelasnya, operasi tersebut telah bermula sejak enam bulan lalu, namun semakin kritikal dua bulan kebelakangan ini.

"Saya difahamkan, mengikut permit, mereka hanya di-



Mesin penyedut pasir yang digunakan untuk operasi sedut pasir di Sungai Terentang.

benarkan menggunakan kaedah konvensional iaitu mesin pengorek atau jengkaut, tetapi sebaliknya apabila mereka berani menggunakan mesin pam

dan penyalur.

"Gara-gara penggunaan mesin penyedut itu telah mendatangkan kemudaratan kepada tebing dan

persekitarannya.

"Kesan tambahan, menyebabkan tebing sungai runtuh dan paras air sungai menjadi sangat cetek," katanya.

Penduduk, Bakri Mahmud, 55, turut akui bimbang akibat kerakusan pihak tertentu mengaut keuntungan sehingga merosakkan kemudahan seperti jambatan yang disediakan kerajaan.

Sementara itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Pilah, Faiz Hassan berkata, pihaknya telah turun ke lokasi korek pasir di kampung tersebut pada 29 September lalu.

Katanya, dari segi pemantauan mendapati pihak berkenaan telah melanggar syarat teknikal.

"Kita juga telah mengesyorkan kepada Pejabat Tanah Kuala Pilah untuk menggantung permit sekiranya syarat teknikal dan pembaikan tebing tidak dibuat dalam masa terdekat," katanya.